


1 - 15 OKTOBER, 2023

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# 40 ADUN angkat sumpah amalkan politik matang



SUASANA di dalam persidangan DUN Pulau Pinang.



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Law Choo Kiang (kanan) seusai majlis mengangkat sumpah jawatan Speaker DUN di sini baru-baru ini.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang sebulat suara mengekalkan mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang sebagai Yang Dipertua DUN (Speaker) bagi penggal yang baharu.

Usul melantik Choo Kiang dicadangkan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan disokong oleh Timbalan Ketua Menteri I yang juga ADUN Batu Maung, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid dalam Mesyuarat Pertama Penggal Pertama (Majlis Angkat Sumpah ADUN) DUN Pulau Pinang Ke-15 di sini 29 Ogos lalu.



AZRUL Mahathir Aziz.

Pada majlis sama, ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dipilih sebagai Timbalan Yang Dipertua DUN bagi menggantikan Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah.

Azrul Mahathir yang memenangi kerusi DUN Bayan Lepas selama dua penggal merupakan Naib Presiden II merangkap Pengarah Pilihan Raya Negeri bagi Parti Amanah Negara (Amanah) Pulau Pinang.

Turut berlangsung, majlis mengangkat sumpah jawatan 40 ADUN di hadapan Yang Dipertua DUN yang dimulakan dengan Ketua Menteri yang juga ADUN Padang Kota dan diikuti 10 Exco serta barisan ADUN yang lain.

Choo Kiang dalam ucapannya menzahirkan penghargaan kepada semua ADUN atas pelantikan tersebut.

"Terima kasih atas kepercayaan dan keyakinan yang diberikan kepada saya untuk memimpin Dewan yang mulia ini.

"Dengan kepercayaan diberikan ini, saya akan berusaha untuk menjalankan tugas-tugas dan kewajipan sebagai Speaker DUN dengan sempurna demi menegakkan perlembagaan negeri dan memastikan semua peraturan mesyuarat adalah dipatuhi.

"Tahniah juga diucapkan kepada semua wakil rakyat yang telah dipilih dalam Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN15) baru-baru ini.

"Sehubungan itu, dengan mandat yang diwakilkan oleh rakyat untuk kepentingan mereka dalam Dewan ini, saya berharap agar semua ADUN sentiasa memahami serta mematuhi peraturan mesyuarat dengan penuh berdisiplin dan berintegriti tanpa mengira fahaman politik," katanya.

# Daya tahan
## lakukan yang terbaik



WONG Hon Wai menunjukkan carta kerja di bawah portfolio Pelancongan dan Ekonomi Kreatif di bawah seliaannya.

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**DIRAMALKAN** pertumbuhan sektor pelancongan di negeri Pulau Pinang berpotensi menarik kehadiran lebih ramai pelancong luar sekali gus memacu sektor pelancongan ke tahap yang lebih tinggi.

Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, **WONG HON WAI** berkata demikian dalam sesi wawancara khas baru-baru ini bersama-sama Buletin Mutiara di pejabat beliau di Komtar.

Mengulas lanjut, Hon Wai memberitahu bahawa sektor pelancongan di Pulau Pinang bakal mencapai tahap baharu pada tahun-tahun mendatang dek kondisinya adalah semakin bertambah baik dan kukuh.

"Di samping itu, terdapat juga hotel-hotel baharu yang masih dalam proses pembinaan, tidak lupa juga hotel yang pernah ditutup semasa pandemik lalu kini dibuka semula dan pulih daripada kemelesetan ekonomi.

"Jika dilihat, apabila industri perhotelan semakin berkembang dan telah dibaik pulih, ia menunjukkan kesan yang baik bahawa ekonomi negeri kembali pulih," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong.

Terdahulu, Hon Wai yang juga merupakan graduan jurusan Sains Komputer dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkongsi mengenai minatnya terhadap dunia politik.

"Saya meminati bidang politik sejak zaman belajar lagi, tidak dinafikan jurusan yang saya pelajari agak membosankan sehingga boleh 'curi-curi' masuk kelas jurusan (Sains Sosial) dek lebih menarik.

"Untuk pengetahuan juga, saya dibesarkan di persekitaran rumah flat dan sejak kecil memang telah didedahkan dengan mengikuti ceramah politik kemudian mula meminati (berkaitan politik) ketika berusia 17 tahun.

"Setelah melanjutkan pelajaran, minat saya tidak hanya terhenti dek mempelajari jurusan berlainan, bahkan saya mengambil langkah menghubungi Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kuala Lumpur lalu berhubung dengan Tan Sri Lim Kit Siang untuk melihat sendiri sesi perbahasan beliau dari galeri awam di Parlimen," kongsinya lanjut.

Selain itu, tidak lama kemudian menjelang tahun 1997, Hon Wai secara rasminya menyertai parti berkaitan dan berkesempatan menamatkan pengajian dalam jurusan Sarjana Muda Perundangan di Universiti Malaya (UM) serta turut memperoleh Sijil Amalan Undang-Undang (CLP) pada tahun 2005.

"Seingat saya, dulu saya merupakan ejen pilihan raya bagi Ketua Menteri kini iaitu Tuan Chow Kon Yeow, yang pada ketika itu bertanding di Parlimen Tanjong dan DUN Padang Kota pada tahun 1999.

"Kemudian, saya mula bertanding dan memenangi kerusi di Air Itam pada tahun 2008 serta 2013, dan seterusnya memenangi kerusi Parlimen Bukit Bendera pada tahun 2018.

"Semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) ke-15 baru-baru ini pula saya telah bertanding dan memenangi kerusi Paya Terubong dengan majoriti 36,802 undi," jelasnya lagi.

Dalam sesi wawancara sama, Hon Wai turut ditanya mengenai satu perkataan yang mampu menggambarkan watak dirinya.

"Jika ditanya perkataan yang sesuai untuk menggambarkan watak diri saya, sudah tentu ia merupakan daya tahan.

"Perjalanan kehidupan saya amat panjang dan penuh dengan pasang surut, kadang-kadang kita berada di atas dan kadang-kadang juga kita di bawah, ketahanan diperlukan untuk memastikan kita dapat bertahan serta pulih dengan cepat daripada kesukaran yang dihadapi.

"Sikap tidak berputus asa amat penting diterapkan dalam diri dan sentiasa belajar daripada kegagalan yang dihadapi supaya diri ini lebih gigih berusaha melakukan yang lebih baik untuk masa hadapan," ceritanya.

Bagi Hon Wai, amanat dan tanggungjawab yang telah diberikan sebagai salah seorang barisan kepimpinan Kerajaan Negeri tidak akan disia-siakan, bahkan beliau tidak akan berhenti berusaha dan memperbaiki apa yang kurang.

"Tidak lengkap sesebuah pekerjaan itu tanpa sebarang rintangan, tanggungjawab untuk sentiasa menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah daya tarikan bagi menarik pelancong akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

"Selain keunikan makanan jalanan di sini, Pulau Pinang juga kaya dengan nilai budaya dan warisan yang menjadi daya tarikan pelancong… buktinya, sepanjang tahun, negeri ini tidak ketinggalan meraikan pelbagai jenis perayaan, program dan acara untuk menggalakkan keharmonian dan semangat perpaduan kaum.

"Antara perayaan yang diraikan di sini termasuklah *George Town Festival*, *Penang International Food Festival* (PIFF) dan *Penang Hill Festival* (PHF) serta banyak lagi," ulasnya.

Malah, beliau turut menyeru umum untuk lebih menerokai kawasan Seberang Perai yang mempunyai pelbagai *'hidden gems'*.



# Exco muda tekad perkasakan belia, sukan dan aspek kesihatan

**DANIEL GOOI ZI SEN** bukanlah nama baru dalam arena politik di Pulau Pinang setelah dua kali diberi peluang untuk bertanding atas tiket Pakatan Harapan (PH) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pada Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN15) lalu, beliau diberi mandat oleh penduduk Padang Lalang, Bukit Mertajam yang juga kampung halamannya untuk menabur bakti.

Selepas memenangi kerusi DUN Padang Lalang, beliau telah dilantik untuk menganggotai barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) bagi portfolio Belia, Sukan dan Kesihatan.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **SIEW CHIA EN** sempat meluangkan masa menemu ramah antara Exco muda yang diberi kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab tersebut dalam penggal ini.

Walaupun ayahnya berasal dari Balik Pulau, Zi Sen mendapat pendidikan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Jit Sin, Bukit Mertajam termasuk menghabiskan banyak masa di sana.

"Saya melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam bidang Pengurusan Pelancongan dan menjadi pelatih industri di syarikat berkaitan kerajaan (GLC), *Penang Global Tourism* (PGT).

"Peluang di situ saya gunakan untuk bekerja di pejabat mantan Exco Pelancongan pada ketika itu (Dato' Danny Law Heng Kiang) sebagai Pegawai Seranta dan menghabiskan banyak masa di kawasan (Batu Lancang)," katanya membuka bicara.

### Cabaran portfolio

Memegang portfolio Belia dan Sukan bukanlah perkara baharu bagi Zi Sen kerana sebelum ini, beliau juga adalah Ahli Majlis bagi Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan di bawah pimpinan Soon Lip Chee (mantan Exco Belia dan Sukan).

"Selain itu, saya juga adalah Ahli Lembaga Pengarah bagi pasukan bola sepak Penang FC serta terlibat dalam beberapa acara sukan yang lain.

"Saya juga telah menerima taklimat daripada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) mengenai pelan-pelan pembangunan belia di negeri ini," ujar mantan ADUN Pengkalan Kota itu bagi penggal 2018 hingga 2023.

Dalam pada itu, Zi Sen turut melihat bidang kesihatan adalah portfolio yang mencabar baginya.

"Ini kerana saya tidak pernah didedahkan tentang perkara ini secara khusus dan formal, namun bersyukur kerana Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) memberi kerjasama yang baik.

"JKNPP juga telah mengadakan kunjungan hormat baru-baru ini dan memberi taklimat beberapa perkara termasuk status terkini perubatan di Pulau Pinang dan sebagainya.

"Banyak cabaran yang kita lihat dan perlu buat seperti dasar dilaksanakan pada peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi penyampaian dan mengekang persepsi orang ramai terhadap cabaran kesihatan awam," ujarnya.

Sebagai permulaan, Zi Sen mahu memperluaskan penyampaian mengenai Skim PEKA B40 yang menyediakan perkhidmatan kesihatan percuma kepada golongan B40.

"Jangan terkejut kerana masih ada rakyat kita yang tidak tahu mengenai skim ini, jadi tugas Kerajaan Negeri perlu pastikan manfaat skim ini sampai kepada golongan sasar.

> **Banyak cabaran yang kita lihat dan perlu buat seperti dasar dilaksanakan pada peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan prestasi penyampaian dan mengekang persepsi orang ramai terhadap cabaran kesihatan awam," ujarnya.**
>
> **- DANIEL Gooi Zi Sen**

"PEKA B40 di bawah kendalian Kerajaan Persekutuan ini memperuntukkan perkhidmatan perubatan percuma kepada golongan B40 untuk mendapatkan rawatan di klinik-klinik swasta.

"Ini juga menjadi 'serampang dua mata' dalam mengurangkan kesesakan di hospital mahupun pusat kesihatan milik kerajaan," ulasnya.

### Popularkan #untuksukankita

Zi Sen sempat merakamkan ucapan terima kasih kepada Lip Chee yang disifatkan telah menjalankan tugas dengan cemerlang dan dedikasi pada penggal lalu.

Ulas beliau, cabaran kepada pembangunan belia sudah pastinya akan berbeza-beza mengikut keadaan masa ekoran kepesatan teknologi.

"Belia sekarang dan 10 tahun lepas pun sudah banyak perbezaan, sekarang *'social group'* semakin mengecil dan perlu lebih kefahaman kepada kehendak mereka.

"Perlu cari minat mereka secara terperinci, capai matlamat yang mereka inginkan seterusnya jadikan belia sebagai ejen dalam memajukan negeri berdasarkan karier mereka," kongsinya.

Zi Sen menyatakan hasrat untuk memperkenalkan #untuksukankita sebagai tanda pagar baharu bagi memperkasakan lagi sukan di negeri ini.

"Terlalu awal untuk bercakap secara menyeluruh, namun secara ringkasnya, dalam pembangunan sukan secara asasnya kita mahu libatkan semua kaum termasuk menekankan pencarian bakat-bakat baru dan menyemai minat sebelum diangkat sebagai bakat baru.

"Tanda pagar #untuksukankita juga akan memperkasakan 'sukan-sukan harian' seperti mendaki, berlari, yoga dan zumba yang mudah untuk dilakukan, *'easy entry'*, tidak terlalu memerlukan kemahiran tinggi.

"Ini kerana dari segi kos pun ia lebih berpatutan dan terbuka kepada semua, sebab kita mahu rakyat negeri ini aktif dengan aktiviti sukan," jelasnya lanjut.

### Pengalaman manis

Selepas satu penggal berkhidmat sebagai ADUN bagi kawasan Pengkalan Kota, Zi Sen mengakui itu antara pengalaman manisnya sejak terjun ke arena politik iaitu bermula ketika beliau menjalani latihan industri.

"Sehinggakan pengundi kawasan tersebut ada yang sedih dan minta saya terus berkhidmat di situ, tetapi apakan daya ini keputusan parti, sebagai ahli politik memang perlu terima keputusan-keputusan seperti ini.

"Pengundi Pengkalan Kota masih dekat di hati saya dan saya percaya ADUN baharu di situ mampu menggalas tugas dengan baik, sama juga dengan saya mahu berikan perkhidmatan terbaik di Padang Lalang," katanya menutup bicara.



DANIEL Gooi Zi Sen.

# Tarik minat orang muda dalam sektor pertanian


FAHMI Zainol (berkemeja putih) pada sesi wawancara khas dekat pejabat beliau di Komtar baru-baru ini.

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, **FAHMI ZAINOL** antara figura muda membarisi senarai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Negeri Pulau Pinang yang mengangkat sumpah pada 16 Ogos lalu.

Pada Pilihan Raya Negeri Ke-15 (PRN15) pada 12 Ogos lalu, beliau berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Jerejak selepas menewaskan pencabarnya dengan memperoleh sebanyak 14,116 undi.

Kini, Fahmi, 32 tahun dipertanggungjawabkan mengetuai portfolio Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi yang dianggap antara bidang tugas yang sangat mencabar khususnya ketika negara sedang mengalami kelembapan ekonomi.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar **AHMAD ADIL MUHAMAD** berkesempatan menemu bual Fahmi untuk mengetahui visi dan misi beliau bagi tempoh lima tahun akan datang.

### Latar belakang

Fahmi merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran dan Keadilan Sosial dari Universiti Malaya (UM) dan aktivis mahasiswa.

Beliau mula terlibat dalam arena politik selepas dilantik sebagai Presiden Persatuan Mahasiswa UM (PMUM).

"Sejak itu, saya mula tahu tentang politik dan menceburkan diri dalam bidang ini serta menyertai pilihan raya kampus UM pada tahun 2011 serta 2012 dan dilantik sebagai Presiden PMUM.

"Dari situ, saya mula kenal pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti-parti politik tetapi saya digantung pengajian selepas menjemput Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim ke penganjuran pidato "40 Tahun: Dari UM ke Penjara" pada tahun 2014.

"Pada masa itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberikan biasiswa berjumlah RM10,000 kepada saya sebagai menggantikan Biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang telah ditamatkan susulan insiden penggantungan tersebut," ujarnya.

Fahmi berkata, beliau mengambil keputusan untuk bergiat secara aktif dalam politik selepas menyertai Parti Keadilan Rakyat (PKR) pada November 2015 sejurus menamatkan pengajian.

"Pada tahun 2017, saya bekerja dengan Pejabat Ahli Parlimen Permatang Pauh dan seterusnya di Pejabat PKR negeri Pulau Pinang dan pada PRN15 lalu, saya dipilih sebagai ADUN Pantai Jerejak.

"Saya juga telah dipilih sebagai Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Permatang Pauh sejak tahun 2022," katanya.

### Pengalaman dan cabaran

Fahmi menyatakan bahawa beliau berasa amat teruja untuk bekerja bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran negeri.

"Saya rasa ini merupakan pengalaman pertama untuk saya, dan saya mahu buktikan bahawa orang muda juga boleh diberikan ruang serta peluang dalam mentadbir negeri," ujar anak jati Pulau Pinang yang dilahirkan di Jelutong.

Ditanya apakah cabaran yang mungkin beliau hadapi apabila memegang tanggungjawab berat pada usia muda, Fahmi memberitahu bahawa cabaran utama adalah bagaimana beliau mahu mengekalkan prestasi portfolio yang disandangnya kini.

"Portfolio yang saya ketuai ini agak mencabar kerana penyandang-penyandang sebelum ini telah menunaikan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin.

"Tambahan pula, Pulau Pinang menduduki tempat pertama dari segi hasil purata pengeluaran padi dalam negara dan ia menjadi cabaran untuk mengekalkan momentum dalam memastikan pencapaian ini terus ditingkatkan atau paling kurang mengekalkan prestasi semasa," katanya.

Selain itu menurut beliau, cabaran lain adalah untuk memastikan penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian dan koperasi.

"Ini kerana, pada masa ini kita lihat penglibatan golongan muda sangat kurang dalam bidang pertanian dan koperasi.

"Semasa saya mengunjungi koperasi pertama di Bayan Baru bau-baru ini, saya dapati kebanyakan ahlinya adalah terdiri daripada golongan pertengahan dan warga emas.

"Oleh itu, saya berharap saya dapat merangka suatu strategi dalam memastikan orang muda mengambil bahagian untuk membantu Kerajaan Negeri khususnya dalam sektor pertanian," ulasnya.

Walau begitu menurut Fahmi, pengalaman dilantik sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) selama dua tahun diyakini dapat membantu beliau dalam menghadapi cabaran-cabaran tersebut.

"Pengalaman sebagai Ahli Majlis sangat membantu khususnya gerak kerja di DUN Pantai Jerejak.

"Tambahan pula, saya pernah memegang jawatan sebagai ahli bagi *One Stop Centre* (OSC) di MBSP, jadi saya ada pengetahuan dari segi pembangunan bandar," katanya yang juga pernah menganggotai jawatankuasa tender.

### Fokus utama

Mengulas lanjut, Fahmi berkata bahawa beliau akan memberikan tumpuan kepada beberapa aspek dalam memastikan projek atau program di bawah bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan dilaksanakan secara bersepadu dan mampan.

"Saya cuba bayangkan Pulau Pinang ini seperti Singapura yang mana saiznya kecil dan tidak mempunyai tanah yang luas tetapi mampu menjadi sebuah negeri yang baik," ujarnya.

Justeru, beliau akan berusaha untuk memperkasakan lagi program pertanian menegak iaitu satu kaedah pertanian yang mana semua aktiviti penanaman dijalankan dalam bangunan yang dilengkapi dengan segala infrastruktur seperti sebuah ladang yang lengkap.

"Kaedah ini amat sesuai dengan negeri Pulau Pinang yang bersaiz kecil.

"Tumpuan juga akan diberikan kepada aspek pelaburan dalam teknologi pertanian moden bagi memenuhi keperluan makanan yang mencukupi untuk rakyat Pulau Pinang di samping mempergiatkan lagi program pertanian bandar.

"Selain itu, pelaburan dalam bidang tanaman agro juga perlu diberikan perhatian memandangkan kedudukan Pulau Pinang yang agak strategik iaitu bahagian pulau yang dikelilingi lautan dan tanah darat yang agak baik di bahagian Seberang Perai," tambahnya.

Mengulas lanjut, Fahmi menyatakan bahawa aspek paling penting adalah Kerajaan Negeri perlu berusaha untuk meningkatkan kemahiran para pemain agroteknologi dalam usaha menambah hasil sekali gus memastikan bekalan makanan adalah mencukupi.

"Kita (Kerajaan Negeri) hendak menaik taraf kemahiran mereka dengan mengadakan kerjasama dengan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dan sektor koperasi.

"Pada masa sama, kita juga hendak pastikan Pulau Pinang menjadi sebuah pulau koperasi dan menjuarai sektor koprerasi berbanding negeri-negeri lain," ujarnya penuh yakin.

### Perancangan dan harapan

Ditanya mengenai rancangan sekurang-kurangnya untuk tempoh 100 hari, Fahmi memberitahu bahawa beliau akan meneliti terlebih dahulu dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan terutamanya bagi sektor pertanian.

"Ini adalah untuk mengelakkan timbulnya perbezaan dasar yang boleh menjejaskan usaha kita dalam meningkatkan keterjaminan makanan terutamanya dalam keadaan Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah selari.

"Kita akan kaji dasar Kerajaan Persekutuan dan akan keluarkan perancangan bagi negeri Pulau Pinang bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang tidak lama lagi.

"Paling penting adalah kita mahu penggunaan teknologi yang lebih canggih dalam sektor pertanian bagi memastikan hasil pengeluaran lebih tinggi di samping menarik minat orang muda ke dalam sektor ini," ujarnya.

Beliau dalam pada itu, mengulangi seruan agar golongan muda dapat bersama-sama Kerajaan Negeri dengan memberi idea serta pandangan dalam pembangunan negeri khususnya berkaitan portfolio Agroteknologi & Keselamatan Makanan dan Koperasi.

"Saya harap anak muda dapat memberikan idea dan pandangan serta menyumbang tenaga untuk membangunankan negeri Pulau Pinang.

"Kalau boleh saya mahu lebih ramai pakar-pakar daripada kalangan anak muda tampil membantu saya untuk memastikan Pulau Pinang lebih terkehadapan dalam ketiga-tiga bidang ini," katanya menutup bicara.



RASHIDI Zinol pada sesi wawancara yang diadakan baru-baru ini.

# Lahirkan lebih ramai usahawan luar bandar penyelarasan negeri dan Pusat

RASHIDI Zinol yang bertanding atas bendera Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Pulau Pinang pada 12 Ogos 2023 berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Acheh dengan mendapat 9,556 undi.

Kemenangan itu mendorong Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di bawah Kerajaan Perpaduan Pulau Pinang melantik Rashidi sebagai Exco Perdagangan dan Pembangunan Keusahawanan & Luar Bandar.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berpeluang menemuramah Rashidi secara eksklusif di pejabat Exconya dekat Komtar.

Memulakan bicara, Rashidi berkata bahawa beliau adalah seorang kontraktor, berada hampir 30 tahun dalam sektor pembinaan adalah disebabkan asuhan ayah dan dua abangnya.

Kata anak ketiga daripada 14 adik beradik itu lagi, asuhan keluarga menyebabkan cara berfikir dan budaya berniaga adalah sebati dalam dirinya hingga kini.

Justeru, apabila ditaklif memegang portfolio Perdagangan dan Keusahawanan, secara umum Rashidi menyatakan bahawa ia adalah masa terbaik untuk beliau menyumbang kembali pengalaman yang tidak seberapa kepada masyarakat terutama di kawasan luar bandar.

"Pengalaman saya selama lebih 30 tahun dalam bidang sektor pembinaan, saling belajar daripada mereka, dan sekarang ini adalah tanggungjawab saya untuk kembali kepada masyarakat.

"Cuma mungkin bidang sahaja berbeza tetapi dari segi teori tetap sama," jelasnya yang juga Ketua Umno Bahagian Nibong Tebal.

Menurut Rashidi, beliau terlibat dalam projek pembinaan dua masjid di Jalan Bukit Panchor dan Seberang Jaya.

"Saya suka membina masjid, sebab pembinaan masjid payah orang nak ubah berbanding kalau saya bina jalan, apabila rosak, orang lain boleh tambah baik," ujarnya.

## Budaya berniaga

Bercerita lanjut, Rashidi menyatakan bahawa kebelakangan ini budaya berniaga kian dekat dengan masyarakat Melayu berbanding beberapa dasawarsa lepas yang lebih sinonim dengan cara berfikiran Cina.

"Masyarakat Melayu sekian lama lebih didedah kepada aktiviti pertanian, makan gaji dengan kerja kerajaan dan sebagainya.

"Tetapi, belakangan ini saya lihat dah banyak kelompok dalam masyarakat Melayu sendiri gigih membentuk masyarakat dengan pemikiran dan budaya keusahawanan itu sendiri.

"Kalau nak bandingkan dengan masyarakat Cina, memang sudah beribu tahun dengan budaya berniaga.

"Katakanlah 100 orang Cina terjun dalam dunia keusahawanan, kalau 10 peratus berjaya pun telah menyamai 10 orang, berbanding Melayu kalau yang menceburi bidang keusahawanan 10 peratus baru menyamai seorang.

"Apabila kita berjaya menjadikan budaya orang kita orang berniaga, insyaAllah akan berubah," ulasnya.

Sebagai Exco yang bertanggungjawab bagi portfolio Perdagangan dan Keusahawanan, Rashidi memberitahu bahawa peranannya bukan sekadar untuk menganjurkan acara atau bengkel latihan keusahawanan semata-mata, malah juga mengubah cara pemikiran dan budaya kelompok sasar yang dikenal pasti khususnya di kawasan luar bandar.

"Biasa kursus keusahawanan ini, kalau nak anjur mesti di hotel, kalau buat di hotel... ada berapa 'kerat' anak-anak kampung boleh terlibat.

"Bagi saya, lebih baik kursus keusahawanan ini kita buat di kampung dalam dua atau tiga sesi (yang mana) kita akan cuba atur program Kerajaan Negeri supaya boleh dibawa ke kawasan luar bandar," jelasnya.

## 'Anak muda perlukan inspirasi, ikon'

Tidak cukup dengan membawa acara Kerajaan Negeri ke kawasan luar bandar, Rashidi berkata bahawa anak muda terutama di kawasan luar bandar juga memerlukan sumber inspirasi atau ikon untuk mereka ikut jika mahu berjaya dalam dunia perdagangan serta keusahawanan.

"Tentulah kita nak galakkan anak-anak muda yang berminat dalam bidang keusahawanan.

"Keusahawanan ini, bukan semua orang boleh latih dan bentuk (kumpulan sasar), macam seni juga mesti ada jiwa seni baru boleh membentuk anak seni.

"Mesti ada jiwa nak menjadi usahawan dan telah jadi usahawan berjaya, baru boleh membentuk mereka yang nak berjaya dalam dunia keusahawanan," ujarnya.

Di samping peranan ikon, Rashidi menyatakan bahawa beliau juga akan memanfaatkan pengalaman serta perancangan kakitangan awam di semua agensi kerajaan berkaitan bagi membentuk budaya keusahawanan dalam kelompok sasar berwajib kelak.

"Saya tidak suka panggil semua wakil jabatan berkaitan secara serentak, saya lebih suka panggil satu persatu untuk mendapatkan maklum balas mereka mengenai perkara yang telah berjaya dan perlu diperbaiki lagi - dari hati ke hati.

"(Selepas mengadakan perbincangan dengan wakil agensi kerajaan berkenaan), usaha mengelompokkan usahawan ikut bidang mereka masing-masing perlu ada juga.

"Sesi pertemuan secara kelompok ini perlu dibuat dari semasa ke semasa, dalam tempoh satu, dua atau tiga bulan sekali untuk melatih mereka

"Saya akan cuba atur program Kerajaan Negeri supaya boleh dibawa ke kawasan luar bandar," ulasnya.

Selain itu, untuk menjayakan usaha bersama tersebut, Rashidi memberitahu bahawa pejabatnya juga cuba mencermati bentuk kegiatan keusahawanan yang sesuai termasuk di kawasan luar bandar dengan mengambil kira landskap perindustrian setempat.

"Saya memang tidak dapat nafikan industri secara umum berkembang dan berpusat di kawasan bandar, tetapi kita tengok industri yang macam-macam (jenis).

"Contoh di kawasan Batu Kawan, industri yang berkembang adalah dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E).

"Tetapi, kawasan di luar bandar, industri atau pengeluaran secara besar-besaran adalah dalam sektor perikanan... contoh, permintaan bebola ikan yang orang Melayu kita keluarkan, tidak cukup untuk memenuhi permintaan domestik.

"Justeru, saya akan lihat jenis industri yang telah wujud di kawasan luar bandar untuk kita kembangkan lagi," ujarnya lanjut.

## Kerjasama erat dengan Pusat

Bercakap mengenai agenda memperkukuh Kerajaan Perpaduan peringkat negeri dan Pusat pula, Rashidi memberitahu bahawa pihaknya memang berhasrat untuk berbincang dengan Presiden Umno Malaysia yang juga Timbalan Perdana Menteri I, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Ini kerana, menurut beliau, Ahmad Zahid juga merupakan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, di samping Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz atas kedudukan sebagai Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, berhubung bagaimana elemen Persekutuan boleh membantu sektor perdagangan, keusahawanan dan luar bandar di negeri Pulau Pinang.

"Di Pulau Pinang sebelum ini saya lihat ada banyak program keusahawanan, cuma penyelarasan peringkat negeri dan Pusat saya sedang teliti lagi.

"InsyaAllah di kawasan luar bandar khususnya di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh ini penuh dengan program motivasi dan program pembangunan keusahawanan, karnival dan sebagainya.

"Kita (Kerajaan Perpaduan Negeri Pulau Pinang) nak buat pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan baharu yang wujud sekarang ini.

"Ada banyak produk keusahawanan dari kawasan luar bandar sebenarnya, ada permintaan jika dibawa ke pekan.

"Saya nak masyarakat luar bandar ini ambil peranan (dalam melibatkan diri dengan program latihan pembangunan keusahawanan) dan bersama-sama membentuk budaya keusahawanan itu," ulasnya.

## Usaha, doa dan tawakal

Mengakhiri wawancara, Rashid berkata prinsip hidupnya sejak bergelar kontraktor dahulu hingga kini tidak pernah berubah, iaitu 'berusaha, berdoa dan bertawakal'.

"Kontraktor, ahli politik (sejak tahun 1995) dan kini Exco Kerajaan Negeri, bagi saya tak banyak bezanya.

"Sebagai kontraktor, sampai satu tahap banyak masa saya dalam politik untuk berkhidmat kepada rakyat, sebab saya ada pekerja saya bertugas dalam kontraktor.

Apabila saya dipilih sebagai Exco, tak terkejut sangat, sebab saya dah bersedia menjadi ahli politik sepenuh masa.

"Prinsip hidup saya mudah sahaja, usaha, doa dan tawakal.

"Dalam politik ini, saya anggap sebagai fardu kifayah saya kena buat berdasarkan prinsip hidup saya.

"Ruang dan peluang yang Allah buka jalan saya," ujarnya.



WARNA buah gac yang merah menyala apabila masak.

# GAC

## buah eksotik kaya khasiat terokai pasaran



TAN Teck Soon.

**MUNGKIN** ramai yang belum pernah mendengar mengenai buah gac atau nama saintifiknya *Momordica cochinchinensis* memandangkan penanaman buah berkaitan masih lagi kurang meluas di Malaysia.

Namun, tahukah kita bahawa buah gac juga dikenali sebagai 'buah dari syurga' kerana sifatnya yang dikatakan mampu memanjangkan usia, memberi semangat dan daya tahan kepada manusia.

Di negeri Pulau Pinang, buah eksotik berwarna merah menyala ini sudah mula diusahakan oleh beberapa pekebun dan dikomersialkan sebagai minuman kesihatan secara kecil-kecilan.

**TAN TECK SOON**, 50, antara pekebun kecil yang mula mengusahakan tanaman buah gac di atas tanah seluas lima ekar berhampiran *Flower Fruit Hill* dekat Berapit, Bukit Mertajam sejak tahun 2020.

### Keistimewaan buah gac

Menurut Teck Soon, beliau memilih untuk menjalankan perusahaan penanaman gac selepas mengetahui mengenai kepelbagaian khasiat yang terdapat pada buah tersebut yang dikatakan sangat baik untuk kesihatan manusia.

"Seorang kawan saya dari Taiwan memperkenalkan kepada saya buah ini, jadi saya cuba menanam secara kecil-kecilan terlebih dahulu untuk melihat kesesuaiannya dengan cuaca di negeri kita.

"Selepas beberapa bulan, tanaman ini tumbuh dengan subur dan barulah saya membuat keputusan untuk menanam buah gac dalam skala lebih besar bagi tujuan komersial," katanya kepada wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Bercerita lanjut mengenai keistimewaan buah gac, Teck Soon menyatakan bahawa buah tidak bermusim tersebut sebenarnya kaya dengan pelbagai khasiat perubatan dan tinggi dengan vitamin A, C serta E.

"Ini kerana kandungan buah ini tinggi dengan beta karotina, *lutein, zeaxanthin* dan *lycopene* selain bersifat antioksidan yang dipercayai dapat menyembuhkan beberapa penyakit tertentu.

"Dikatakan pengambilan buah ini secara berkala dapat meningkatkan kesihatan mata, mengurangkan risiko penyakit barah dan penyakit jantung, membantu melancarkan pencernaan serta meningkatkan imun badan terhadap jangkitan.

"Sebab itulah buah gac banyak ditanam untuk tujuan pengkomersilan dalam bidang perubatan dan pemakanan terutamanya di Vietnam, Myamar dan Thailand," jelasnya lanjut.

Dari pemerhatian, bentuk buah gac adalah agak membulat atau sedikit lonjong, berwarna hijau ketika muda dan bertukar kekuningan apabila hampir matang dan seterusnya berwarna merah menyala.



RUPA bentuk buah gac dan jus yang sedia untuk dijual.

Difahamkan, pokok yang tumbuh menjalar ini mengambil masa kira-kira lapan hingga sembilan bulan untuk menghasilkan buahnya.

### Minuman kesihatan

Teck Soon memberitahu bahawa selain dijual dalam bentuk buah-buahan segar, buah gac yang sudah masak akan dipetik setiap hari untuk diproses menjadi minuman kesihatan.

"Buah gac yang sudah dipetik akan dipotong untuk membuang biji terlebih dahulu, kemudian kami ambil isinya sahaja untuk menghasilkan jus dan akan dimasak kira-kira lima hingga enam jam.

"Disebabkan rasa buah gac yang hambar dan sedikit pahit, kami perlu menambah sedikit gula semasa proses memasak untuk disesuaikan dengan cita rasa rakyat Malaysia.

"Selain perisa asli, kami juga menghasilkan tiga lagi perisa iaitu nanas, markisa serta asam boi dan dijual dengan harga antara RM10 hingga RM38 sebotol mengikut jenis perisa.

"Setakat ini kami hanya mampu hasilkan kira-kira 100 botol jus buah gac sehari," ujarnya sambil menambah bahawa biji buah gac sebaiknya tidak dimakan kerana boleh menyebabkan masalah pencernaan.

Tambah Teck Soon, pada masa ini jus buah gac hanya dipasarkan secara kecil-kecilan di sekitar negeri Pulau Pinang dan beberapa negeri di Semenanjung.

"Sebenarnya ada juga permintaan dari Sabah dan Sarawak, tetapi buat masa ini kita tidak dapat hantar ke sana kerana ia memerlukan masa yang agak panjang dan keadaan ini dikhuatiri menyebabkan produk kita menjadi rosak.

*(Sambungan di muka 7).*

*(Sambungan dari muka 6).*

# Jadikan lokasi agropelancongan



SALAH seorang pekerja sedang menimbang berat buah gac untuk dijual kepada pelanggan.

“Kami juga terfikir untuk memasarkan jus ini di beberapa pasar raya terpilih tetapi belum dapat dilaksanakan kerana perlu melalui beberapa lagi proses terutamanya dalam mendapatkan sijil halal bagi meluaskan lagi pasaran,” katanya.

**Rancangan masa depan**

Ditanya mengenai rancangan masa depan, Teck Soon menyatakan bahawa beliau kini sedang mengusahakan sebuah lagi ladang buah gac di tapak baru seluas 20,000 kaki persegi dekat Bukit Noning di Berapit.

“Apabila proses penanaman siap kelak, kebun di sini *(Flower Fruit Hill)* akan ditutup dan kami akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada kebun baharu tersebut.



ANNIE.

“Bukan semata-mata untuk menanam buah gac, malah kami juga merancang untuk menjadikan kebun kami sebagai kawasan agropelancongan.

“Bagi tujuan itu, pada masa ini kami sudah membina rumah hijau dan akan membina kilang untuk memproses jus buah gac dalam kuantiti yang lebih banyak,” katanya yang kini dibantu oleh lapan pekerja.

Bagi anda yang berminat untuk mendapatkan jus buah atau mempunyai sebarang pertanyaan boleh hubungi talian 011 – 1327 1172 (Tan Teck Soon) / 017 – 655 3693 (Annie).

---

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

**SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**
(COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA)

**KENYATAAN TENDER**

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ingin mempelawa kepada mana-mana Pembida/Petender untuk membida tawaran **Tender No. SSM 9/2023.** Dokumen Tender boleh didapati bermula pada **26 September 2023** waktu pejabat di Pejabat Negeri SSM Pulau Pinang, Tingkat 7, Bangunan KWSP, No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya, 13700 Pulau Pinang.

Dokumen Tender boleh dibeli dengan harga RM500.00 setelah **Borang Semakan Kelayakan Petender** disahkan di Pejabat Negeri SSM Pulau Pinang dan seterusnya bayaran hendaklah dibuat di Kaunter Bayaran, Tingkat 6, Pejabat Negeri SSM Pulau Pinang dalam bentuk Tunai, Kad Kredit, Bank Draf atau Kiriman Wang Pos (tidak dikembalikan) atas nama Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Hanya Pembida/Petender yang melepasi syarat kelayakan Petender yang disenaraikan di bawah dibenarkan untuk membeli dokumen tender. Sila bawa bersama salinan sijil berkaitan sebagai bukti. Kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan Pembida/Petender tidak dibenarkan untuk membeli dokumen tender.

Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Pembida / Petender yang berminat untuk membuat lawatan tapak hendaklah mengatur temujanji melalui email kepada **zulaiman@ssm.com.my** selewat-lewatnya sebelum **5 Oktober 2023.**

Sebarang pertanyaan berkaitan tender ini hendaklah dibuat melalui e-mel kepada e-perolehan@ssm.com.my dengan menyatakan nombor rujukan tender iaitu **Q&A TENDER NO. SSM 9/2023** di bahagian subjek/ perkara dan tarikh akhir untuk membuat pertanyaan adalah pada **3 Oktober 2023**.

| NO. TENDER | BUTIRAN TAWARAN | HARGA DOKUMEN (RM) | SYARAT KELAYAKAN PETENDER | TARIKH DAN MASA TAKLIMAT | TARIKH TUTUP PENJUALAN DOKUMEN TENDER | TARIKH TUTUP/SERAHAN TENDER |
|---|---|---|---|---|---|---|
| SSM 9/2023 | **TENDER FOR RENOVATION WORKS OF WORKSTATION, CARPET AND OFFICE SPACE AT SSM PULAU PINANG FOR SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** | 500.00 | (a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan<br>(b) Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB):<br>Gred - G3<br>Kategori - B<br>Pengkhususan - B04 dan B07/B28 | 26.09.2023<br>10.00 pagi<br>Taklimat Tender akan diadakan secara maya menggunakan aplikasi *Microsoft Teams.* Sila dapatkan pautan di portal www.ssm.com.my<br>**TAKLIMAT TENDER ADALAH TIDAK DIWAJIBKAN.** | 10.10.2023<br>4.00 petang | 17.10.2023<br>12.00 tengah hari<br>Kaunter Serahan Tender, Tingkat 7, Bangunan KWSP, No. 3009, Off Leboh Tenggiri 2, Bandar Seberang Jaya, 13700 Pulau Pinang<br>**DOKUMEN TENDER YANG LEWAT TIDAK AKAN DITERIMA DAN DIPERTIMBANGKAN** |

# Bina semula penempatan penjaja ikut keperluan lokal, kata responden

**ISU** penjaja kecil membina struktur binaan tanpa kebenaran sekitar bahu jalan dekat Taman Merak dan Taman Puteri Gunung di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) bukanlah suatu perkara baharu.

Pada 25 Julai lepas, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan turun padang untuk melihat isu berbangkit tersebut.

Hasilnya, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mencadangkan untuk membina gerai niaga serta menyusun semula penjaja berkenaan di sekitar kawasan ini.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan mencadangkan untuk membina 65 tapak penjaja dengan kos keseluruhannya kira-kira RM693,000.

Sebanyak 40 unit tapak jaja akan dibina di Taman Merak, sementara baki 25 unit tapak jaja lain akan dimajukan di Taman Puteri Gunung.

Projek infrastruktur tersebut dijangka mengambil masa selama 28 minggu dan dijadualkan siap pada 12 Februari 2024.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** berpeluang membuat tinjauan lapangan kawasan-kawasan berkenaan.

Di bahu jalan dekat Jalan Puteri Gunung di sini, didapati tiada lagi operasi penjajaan dalam struktur tanpa kebenaran.

Namun, di Jalan Merak 2, aktiviti perniagaan masih beroperasi di salah sebuah 'gerai' daripada tiga struktur tanpa kebenaran di sini.

Peniaga, **ABDUL RAZAK ABDULLAH**, 64, memberitahu bahawa beliau bersama-sama beberapa penjaja lain sudah berniaga di atas tanah rizab jalan tersebut sejak sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lagi, sekitar tahun 2019.

Selama berniaga di ini, menurut beliau, tidak timbul isu keselamatan memandangkan mereka berniaga di atas rizab jalan yang agak luas kira-kira 50 kaki x 20 kaki di sini.

"Kalau ada pun isu keselamatan di sini adalah isu parkir kenderaan berat 'berlapis-lapis' sampai mengganggu penglihatan pengguna jalan raya serta penduduk taman perumahan di sini.

"Apa yang saya nak sebutkan di sini, cadangan pembinaan sampai 40 unit tapak jaja di sepanjang tanah rizab jalan (kira-kira 500 meter) di sini bukan sebab aktiviti perniagaan kami menimbulkan kacau ganggu kepada pengguna jalan raya ataupun penduduk taman perumahan sekitar kawasan ini.

"Apabila Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow Yeow) mengadakan lawatan ke sini baru-baru ini, ada cadangan untuk membina sampai 40 tapak jaja, mungkin untuk memastikan tanah rizab jalan di sini tidak lagi dijadikan kawasan parkir kenderaan berat," jelasnya.

Mengulas lanjut, Abdul Razak memberitahu bahawa pihaknya secara peribadi menyambut cadangan Kerajaan Negeri dan MBSP untuk membina tapak menjaja di sini.

"Saya bukan tidak menyokong hasrat Kerajaan untuk menyusun semula penjaja kecil di sini, PBT memang ada kuasa untuk berbuat demikian.

"Cuma, elok perancangan bandar dan desa di sini mengikut keperluan sebenar (populasi) penduduk setempat," ujarnya.

Seorang lagi penjaja, **NOR HASIMAH AWANG**, 59, pula memberitahu bahawa tiap-tiap lot gerai dengan keluasan 10 kaki x 10 kaki yang dicadangkan peringkat PBT adalah begitu kecil.

"Macam saya sekarang berniaga di bawah bumbung dengan keluasan 50 kaki x 20 kaki, saya berasa lot gerai (berkeluasan) 10 kaki x 10 kaki adalah kecil.

"Penduduk setempat bukan ramai, sepatutnya gerai yang dibina di sini pun ikut kapasiti penduduk supaya tidak terjadi seperti kawasan jaja lain yang mana terdapat banyak gerai 'kosong' tanpa penyewa.

"Kalau cadangan 40 gerai itu boleh dikurangkan menjadi 15 atau 20 gerai mengikut kepadatan penduduk lokal sebenar, mungkin luas lantai gerai boleh diperbesar sedikit," ulasnya sambil menyambut baik cadangan Kerajaan Negeri dan MBSP untuk menyusun semula penjaja di sini.

Pada 25 Julai lepas, Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad mengumumkan projek pembinaan tapak penempatan penjaja di Taman Merak dan Taman Puteri Gunung di sini.

Semasa berucap, beliau antara lain memberitahu bahawa hasil bancian yang dibuat peringkat PBT berkenaan mendapati seramai 11 penjaja sekitar Taman Merak dan 20 penjaja sekitar Taman Puteri Gunung telah dikenal pasti, mungkin akan dilihatkan dalam program penempatan semula penjaja dalam lot gerai MBSP di sini kelak.

"Lebihan petak yang disediakan akan diiklankan untuk pengisian melalui sesi temuduga dan mengikut prosedur sedia ada.

